

Rabu, 25 Disember 2019 | 10:05pm

## Siasat kenaikan harga bawang India di Perlis

**PUTRAJAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menyiasat punca kenaikan harga bawang India di Perlis sejak September lalu.

Pengarah Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata siasatan itu meliputi seluruh rantaian bekalan bawang India dari peringkat pengimport, pembekal, pemborong dan peruncit.

"Notis di bawah Seksyen 21 akan dikeluarkan terhadap setiap rantaian bekalan itu bagi mendapatkan maklumat harga kos dan mengesan kenaikan harganya," katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Beliau berkata, sekiranya terdapat mana-mana pihak mengambil kesempatan, Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP akan mengambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Menurut laporan media, sebelum ini harga bagi sekilogram bawang merah adalah RM4, namun bahan itu kini dijual pada harga RM12 sekilogram.

Kenaikan harga didakwa berlaku susulan bekalan bahan itu dikesan menyusut sejak dua bulan lepas. – BERNAMA